

Empat warga emas, seorang pekerja Pakistan tidak sempat menyelamatkan diri

5 maut rumah orang tua terbakar

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KAJANG – Empat warga emas serta seorang penjaga warga asing maut dalam satu kebakaran di sebuah pusat jagaan orang tua di Sungai Long di sini semalam.

Bagaimanapun, empat penghuni termasuk seorang warga emas yang berada di dalam kediaman itu berjaya menyelamatkan diri.

Kebakaran rumah banglo dua tingkat yang dijadikan pusat jagaan itu berlaku pada pukul 4.50 pagi ketika sembilan penghuni termasuk warga emas berkenaan sedang tidur nyenyak.

Difahamkan, kebakaran yang bermula tingkat bawah banglo itu mengakibatkan dua warga emas rentung manakala tiga lagi individu disahkan maut akibat sesak nafas terhidu asap tebal.

Dua penghuni lelaki yang mati ialah Leow Chong Fatt dan Kwan Sak Seen manakala dua lagi warga emas wanita ialah



LIMA maut dalam kebakaran di pusat jagaan orang tua yang beroperasi di sebuah rumah banglo dua tingkat di Sungai Long, Kajang semalam.

Teo Hoi Foo dan Lai Sew Yin.

Kesemua warga emas yang maut itu berusia lingkungan 60 hingga 70-an manakala penjaga yang turut terkorban pula, Awis Muhammad, 28, warga Pakistan.

Mangsa yang terselamat pula dikenali sebagai Lim Chin Fatt,

60, serta tiga pekerja pusat jagaan iaitu seorang wanita tempatan serta dua lelaki warga Pakistan.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, pihaknya menerima



DZAFFIR menemu bual seorang wanita yang bekerja di pusat jagaan orang tua di Kajang semalam.

panggilan kecemasan pada pukul 5.06 pagi.

Katanya, pihak bomba melakukan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan selepas dimaklumkan terdapat empat mangsa terperangkap di tingkat bawah dan seorang lagi mangsa berada di

tingkat atas.

Tambahnya, punca dan jumlah kerugian sebenar juga masih dalam siasatan.

Sementara itu, salah seorang ahli keluarga mangsa, Chong Fatt ketika ditemui memberitahu, datuknya itu dihantar ke pusat jagaan berkenaan kira-kira sebulan lalu.

“Setiap bulan kami membayar yuran penjagaan sebanyak RM3,000 dan setiap minggu kami datang melawat,” katanya.

Dalam pada itu Majlis Perbandaran Kajang mengesahkan rumah banglo dua tingkat yang dijadikan pusat jagaan orang tua itu tidak mempunyai permit perniagaan yang sah.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd. Yusoff pula berkata, hasil siasatan mendapati pusat jagaan itu dikendalikan oleh seorang wanita warga asing.

Katanya, berdasarkan maklumat pusat jagaan itu sudah beroperasi sejak dua bulan lalu.